

02/01/1997

Pelancongan sumber lumayan

Ibrahim Muhamad

KUALA TERENGGANU, Rabu - Industri pelancongan boleh menjadi sumber pendapatan lumayan kepada rakyat dan negara jika kawasan yang indah dibangunkan untuk menarik pelancong tempatan dan asing, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, rakyat perlu faham mengenai pelancongan supaya ia dapat menggunakan sektor berkenaan sebagai sumber pendapatan yang baik kepada mereka.

Katanya, pantai yang cantik dan indah sepanjang 800 kilometer di Pantai Timur menjadi satu daripada aset penting yang boleh menarik pelancong untuk datang ke negara ini.

Berucap melancarkan Tahun Melawat Terengganu (TMT) 97, di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah di sini malam ini, beliau berkata, hutan, air terjun, tasik dan kawasan air panas juga perlu dibangunkan untuk dijadikan kawasan tumpuan pelancong.

"Kita akan kerugian jika keindahan yang ada ini tidak digunakan secara yang lebih menguntungkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dianggap sebagai sebuah negara yang cantik dan indah oleh pelancong asing.

Bagaimanapun, katanya, keindahan dan kecantikan tidak bererti sekiranya tidak diperkenalkan kepada pelancong dan menarik mereka untuk melihatnya.

"Tidak bererti kita mempunyai seketul emas jika ia dibaling kepada burung, sebaliknya ia lebih bermakna sekiranya emas itu digunakan untuk dijadikan barang perhiasan yang boleh memberi kecantikan kepada pemakainya," katanya.

Dr Mahathir menasihatkan mereka yang terbabit dalam sektor pelancongan memberi layanan terbaik supaya menjadi buah mulut terutama kepada pelancong luar.

Kehadiran pelancong bukan sahaja memberi keuntungan kepada pengusaha hotel tetapi kepada peniaga, usahawan kecil serta pengusaha pelancongan.

Beliau berkata, sekiranya layanan buruk diberikan di mana sahaja sama ada di hotel dan pusat beli-belah, mereka hanya akan datang sekali sahaja dan ini akan merugikan.

Di Terengganu, katanya, banyak tempat menarik yang boleh dibangunkan sebagai pusat pelancongan dan rakyat tempatan perlu memberi kerjasama supaya TMT 97 berjaya yang akhirnya dapat memberi pendapatan lumayan kepada mereka dan negara.

(END)